

571:

KABINET-JAWATANKUASA

1974

42

KUALA LUMPUR, 18 SEPT. (BERNAMA) -- SEBUAH JAWATANKUASA PERINGKAT MENTERI TELAH DIBENTUK DENGAN DIPENGERUSIKAN OLEH MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED UNTUK MENYEMAK SISTEM PELAJARAN NEGARA.

PERKARA INI TELAH DISETUJUI DALAM MESYUARAT PERTAMA KABINET BARU DI SINI HARI INI.

SATU KENYATAAN YANG DIKELUARKAN OLEH JABATAN PERDANA MENTERI BERKATA JAWATANKUASA ITU AKAN MENYEMAK, SEJAJAR DENGAN LUNAS DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN YANG ADA, AKAN MATLAMAT DAN KEKESANAN TERMASUK KARIKULA SISTEM PELAJARAN SEKARANG.

PENYEMAKAN ITU BERTUJUAN MENJAMIN SUPAYA KEPERLUAN TENAGA MANUSIA NEGARA DALAM JANGKA PANJANG DAN PENDEK DAPAT DIPENUHI DAN TERUTAMANYA SUPAYA SISTEM PELAJARAN MEMEBUHI HASRAT KEBANGSAAN MEWUJUDKAN RAKYAT YANG BERSATU, BERDISIPLIN DAN TERLATIH. -- BERSAMBUNG 1643/LK

573:

KABINET-JAWATANKUASA 2 KUALA LUMPUR

MENURUT KENYATAAN ITU AHLI-AHLI JAWATANKUASA TERSEBUT IALAH: MENTERI BURUH DAN TENAGA RAKYAT, DATO LEE SAN CHOON, MENTERI PERHUBBUNGAN, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, MENTERI TANAH DAN GALIAN DAN TUGAS-TUGAS KHAS, DATUK ASRI HAJI MUDA, MENTERI PERANCANGAN AM DAN PENYELIDIKAN SOSIO-EKONOMI, DATUK HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, DATO ALI HAJI HAMAD, MENTERI PERUMAHAN DAN KAMPUNG BARU, ENCIK MICHAEL CHEN DAN MENTERI PERUSAHAAN UTAMA, DATO MUSA HITAM. -- BERNAMA 1653/LK